



PENGUAT kuasa DBKL mengambil tindakan ke atas penjaja warga asing di sekitar Jalan Ampang, Kuala Lumpur malam kelmarin.

Penjaja masih jual jagung depan Menara Berkembar Petronas

KUALA LUMPUR – Penjaja warga asing nampaknya masih berdegil apabila terus menjual jagung bakar dan air minuman secara haram di hadapan pusat beli-belah, Menara Berkembar Petronas, di Jalan Ampang, di sini.

Tindakan itu menyebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa sekali lagi menggempur lokasi penjaja terbabit malam kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, meskipun tindakan sitaan telah dibuat sebelum ini, namun penjaja warga asing terbabit kembali menjalankan aktiviti perniagaan.

“Mereka (warga asing) ini tidak serik walaupun tindakan telah diambil. Kebanyakannya menjalankan perniagaan menjual jagung bakar dan air minuman,” katanya.

Justeru, DBKL berkata, tin-

dakan berterusan dan peman-tauan berkala akan dijalankan sekitar kawasan tumpuan menerusi siri-siri tindakan khas membabitkan 11 kawasan Parli-men Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kosmo! sebelum ini melaporkan DBKL mengambil tindakan sita ke atas empat perniagaan yang dijalankan warga asing di sekitar Jalan Ampang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tindakan itu dibuat susulan maklumat diperoleh menerusi hantaran di media sosial mendakwa seorang lelaki warga asing bertindak berani menjual jagung bakar di hadapan pusat beli-belah tersebut.

Perbuatannya itu mence-tuskan kemarahan orang ramai kerana bukan sahaja mencacatkan pemandangan di kawasan tersebut, malah turut membahayakan orang awam.